


1

# HIDUP BERSAMA PENYAKIT BUAH PINGGANG KRONIK (CKD)




MINISTRY OF HEALTH  
SINGAPORE

# Apakah Kegagalan Buah Pinggang?



Buah pinggang pesakit boleh merosot walaupun terdapat rawatan dan penjagaan yang terbaik. Dianggarkan terdapat **4.7 orang pesakit baru** didiagnosis dengan kegagalan buah pinggang setiap hari di Singapura.

## Fungsi Buah Pinggang Kita



Mengawal cecair di dalam badan anda



Mengekalkan biokimia darah yang normal seperti kalium, fosfat dan asid



Menyingkirkan toksin darah



Menghasilkan hormon untuk mengekalkan kiraan darah dan kesihatan tulang

“ Apabila buah pinggang kita gagal, kita perlu mencari cara lain untuk menggantikan fungsinya. ”

Kadar Penapisan Glomerular (GFR) boleh dianggarkan daripada ujian darah dan merupakan ukuran fungsi buah pinggang.



Simptom-simptom ini mungkin timbul apabila fungsi buah pinggang berada pada tahap rendah



Sesak nafas



Kaki bengkak



Pening dan muntah




Kengantukan



Gatal

# Apakah Pilihan Saya apabila Buah Pinggang Saya Gagal?



## 1 Dialisis Peritoneal

Terapi dialisis harian di rumah yang menggunakan abdomen sebagai penapis.


Pesakit atau penjaga memasukkan cecair dialisis yang bersih ke dalam abdomen pesakit untuk dialisis.



## 2 Hemodialisis

Terapi yang dilakukan di pusat dialisis sekurang-kurangnya 3 kali seminggu.

Darah pesakit akan dibersihkan melalui penapis yang dipasang pada mesin sebelum dikembalikan ke badan pesakit.




## 3 Pemindahan Buah Pinggang

Pemindahan buah pinggang yang berfungsi secara pembedahan kepada pesakit yang mengalami kegagalan buah pinggang.

Setelah dipindah, buah pinggang baru menggantikan fungsi buah pinggang lama. Sekiranya pemindahan itu berjaya, dialisis tidak diperlukan.

Pesakit boleh menerima pendermaan buah pinggang yang berfungsi daripada orang kesayangan atau penderma yang telah meninggal dunia di bawah Akta Pemindahan Organ Manusia.



## 4

## Pengurusan Konservatif

Kadang-kala, pesakit mungkin memutuskan untuk tidak menjalani pilihan rawatan di atas.

Ubat-ubatan boleh diberikan untuk membantu mengurangkan simptom-simptom yang mungkin timbul disebabkan oleh fungsi ginjal yang semakin merosot.

Perancangan Penjagaan Lanjutan juga boleh dilakukan untuk membincangkan keutamaan penjagaan masa depan antara individu, keluarga dan penyedia penjagaan kesihatan.

Matlamatnya adalah untuk menyediakan penjagaan keselesaan sehingga pesakit meninggal dunia.



### Tumpukan pada apa yang paling sesuai dengan anda ...

Kebanyakan pesakit berasa sukar menghadapi berita kegagalan buah pinggang. Namun begitu, dengan persediaan yang wajar, keputusannya boleh menjadi positif.

Perbincangan awal dengan keluarga, kaunselor buah pinggang dan doktor anda akan membantu anda memahami lebih lanjut untuk membuat keputusan yang tepat.



*"Pemindahan merupakan sesuatu yang lebih daripada sekadar pembedahan; ia merupakan satu tindakan penuh kasih sayang yang mengikat kita dengan lebih erat."*

**Puan Noriza, yang mendermakan buah pinggangnya kepada suaminya**

*"Pemindahan itu tidak menjejaskan hidup saya dan untuk ayah saya, mutu hidupnya bertambah baik sejak pemindahan."*

**Daryl, yang mendermakan buah pinggangnya kepada ayahnya**

*"Apabila saya masih muda, saya berfikir bahawa kegagalan buah pinggang akan menghalang kehidupan biasa saya. Ia sebenarnya hanya merupakan satu keadaan. Dengan dialisis peritoneal, saya masih boleh melakukan perkara yang saya mahu."*

**Wan Ting, pesakit dialisis peritoneal**

*"Selepas menjalani hemodialisis, saya menjalani kehidupan yang produktif dan memuaskan serta menikmati masa saya bersama keluarga saya, terutamanya 4 orang cucu saya."*

**Puan See, pesakit hemodialisis**

Dibawakan kepada anda oleh



**MINISTRY OF HEALTH**  
SINGAPORE

